



**UCAPAN
YB NIK NAZMI BIN NIK AHMAD
MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM
(DIBACAKAN OLEH YBHG. DATO' HJ ROSLI BIN ISA, KETUA
SETIAUSAHA NRECC)**

**SEMPENA
FIRST PAHANG TIGER SUMMIT
ANJURAN
KERAJAAN NEGERI PAHANG**

**28 JULAI 2023 (JUMAAT)
THE ZENITH HOTEL, KUANTAN, PAHANG DARUL MAKMUR**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani.

Mengadap **Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang, Tengku Mahkota Tengku Hassanul Ibrahim Alam Shah Ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah**

Ampun Tuanku, patik memanjatkan syukur kehadiran Allah Rabbul'alamin dan dengan penuh takzimnya merafak sembah menjunjung kasih di bawah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku berangkat ke *First Pahang Tiger Summit* pada pagi ini.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku menzahirkan keprihatinan terhadap usaha pemuliharaan hidupan liar, khususnya Harimau Malaya.

Ampun Tuanku,

Patik menyampaikan sembah takzim Yang Berhormat Nik Nazmi bin Nik Ahmad, Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim. Beliau merafak keampunan kerana tidak dapat hadir atas tugas rasmi dan patik mohon perkenan Duli Yang Maha Mulia Tuanku untuk menyampaikan ucapan beliau. Seterusnya patik dengan segala hormat dan takzimnya memohon perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku untuk menyampaikan ucapan kepada para hadirin sekalian.

Yang Amat Berhormat Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail
Menteri Besar Negeri Pahang

Yang Berhormat Dato' Indera Haji Zulkifli bin Haji Ya'acob
Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang

Yang Berusaha Tuan Abdul Wahid bin Abu Salim
Timbalan Ketua Setiausaha (Sumber Asli), NRECC

Yang Berbahagia Dato' Abdul Kadir bin Abu Hashim
Ketua Pengarah, Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Semenanjung Malaysia

Ketua-ketua Jabatan Persekutuan dan Negeri

Dif-dif kehormat dan para hadirin sekalian

Ampun Tuanku,

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya dapat patik pacal-pacal sekalian berkumpul di Negeri Pahang Darul Makmur dalam *First Pahang Tiger Summit*. Patik merakamkan ucapan terima kasih di atas jemputan untuk menyampaikan ucapan di majlis ini.

Ampun Tuanku,

2. Suka patik maklumkan bahawa Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) amat prihatin dan menyusul **tindakan-tindakan strategik segera bagi menangani krisis populasi Harimau Malaya. Antara pencapaian sehingga kini yang turut melibatkan Kerajaan Negeri Pahang adalah:**

- (i) **Pasukan Petugas Kebangsaan Bagi Konservasi Harimau Malaya (*National Tiger Conservation Task Force - MyTTF*)** yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah ditubuhkan pada tahun 2022 bagi menunjukkan komitmen tinggi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-kerajaan Negeri dalam menangani krisis Harimau Malaya. Mesyuarat MyTTF pada tahun ini dijadual diadakan pada bulan September;
- (ii) **Program Perlindungan dan Rondaan Biodiversiti (*Biodiversity Protection and Patrolling Programme - BP3*)** bagi menangani isu pencerobohan, pemburuan serta pembalakan haram yang mula dilaksanakan pada tahun 2019 akan terus diperkukuhkan dengan pelantikan seramai 1,000 orang Renjer Komuniti yang terdiri daripada Veteran Angkatan Tentera Malaysia, Veteran Polis Diraja Malaysia (PDRM), masyarakat Orang Asli serta komuniti setempat. Bilangan ini menunjukkan peningkatan berbanding 901 orang pada tahun 2022, 600 orang pada tahun 2021 dan 225 orang pada tahun 2020. **Pada tahun 2022, seramai 279 Renjer Komuniti telah dilantik di Negeri Pahang dengan peruntukan berjumlah RM8.6 juta. manakala seramai 302 Renjer Komuniti**

dilantik pada tahun 2023 menggunakan peruntukan RM9 juta.

- (iii) sebanyak **6 siri Operasi Bersepadu Khazanah (OBK)** yang melibatkan Jabatan PERHILITAN dengan kerjasama PDRM, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Pihak Berkuasa Negeri dan badan bukan kerajaan (NGO) telah dilaksanakan pada tahun 2023 dengan 76 tangkapan melibatkan jumlah sitaan sebanyak lebih RM11 juta. Pada tahun 2019 hingga 2022, seramai 460 orang pesalah telah ditangkap dengan jumlah sitaan lebih RM112 juta. Selain itu, sebanyak 1,875 jerat yang dijumpai di dalam kawasan operasi sama ada yang aktif atau tidak aktif telah berjaya dimusnahkan;
- (iv) **insentif kewangan untuk konservasi biodiversiti dan hutan kepada Kerajaan-Kerajaan Negeri** melalui *Ecological Fiscal Transfer for Biodiversity Conservation* (EFT) bagi kawasan perlindungan (*protected areas*) termasuk habitat utama Harimau Malaya telah diperkenalkan pada tahun 2019. Inisiatif ini telah diperkukuhkan dengan peruntukan EFT sebanyak RM150 juta pada tahun 2023 dari Kerajaan Persekutuan. **Sejak tahun 2019, Negeri Pahang telah menerima peruntukan EFT sebanyak RM22.8 juta. Manakala sebanyak RM14 juta disalurkan untuk tahun 2023;** dan

- (v) **Pusat Konservasi Harimau Malaya (*Malayan Tiger Conservation Centre* - MTCC) di Lanchang, Pahang telah mula beroperasi pada 1 Februari 2022** bagi menjalankan program pembiakan Harimau Malaya secara berfokus.
3. Suka patik maklumkan juga **pencapaian Kerajaan Malaysia di peringkat antarabangsa dalam usaha konservasi Harimau Malaya** seperti berikut:
- (i) Malaysia dengan kerjasama *Global Tiger Forum* telah menjadi tuan rumah dan mempengerusikan *The 4th Asia Ministerial Meeting on Tiger Conservation* (AMC4) pada 19 hingga 21 Januari 2022. Malaysia telah menerajui penyediaan *Kuala Lumpur Joint Statement on Tiger Conservation* yang menekankan komitmen *Tiger Range Countries* untuk memulihara harimau. Kenyataan bersama tersebut telah menggariskan 14 tindakan konservasi harimau untuk dilaksanakan;
 - (ii) wakil Malaysia telah menghadiri *The 2nd International Tiger Forum* di Vladivostok, Rusia pada 4 hingga 6 September 2022, di mana strategi perlindungan harimau global telah dibangunkan. Sebanyak 15 komitmen di bawah *The Vladivostok Declaration on Tiger Conservation* telah dipersetujui bagi mengukuh dan menstabilkan populasi harimau. *The Vladivostok Declaration on Tiger Conservation* turut mengambil kira komitmen yang telah dipersetujui dalam *Kuala Lumpur Joint Statement on Tiger Conservation*; dan

- (iii) Kerajaan India telah menjemput Malaysia sebagai *founding member* kepada *International Big Cats Alliance* (IBCA). IBCA ditubuhkan bertujuan untuk mengkoordinasikan usaha perlindungan dan pemuliharaan spesies *big cat* termasuk harimau di peringkat antarabangsa. NRECC telah memberi persetujuan secara prinsip mengenai penglibatan Malaysia sebagai *founding member* IBCA.

Ampun Tuanku,

4. Usaha-usaha untuk melindungi Harimau Malaya dan memulihara habitat semula jadinya tidak mungkin akan tercapai tanpa komitmen daripada Kerajaan Negeri. Suka patik memaklumkan bahawa komitmen Kerajaan Negeri Pahang dalam menyokong usaha-usaha pemuliharaan Harimau Malaya termasukewartakan **Rizab Harimau Diraja Al-Sultan Abdullah**, adalah amat membanggakan.
5. Ampun Tuanku, Patik jua mohon perkenan Duli Yang Maha Mulia Tuanku untuk menyampaikan ucapan dalam Bahasa Inggeris bagi menghargai kehadiran jemputan kehormat diplomatik yang hadir.

Your Excellencies, ladies and gentlemen,

6. *It gives me great pleasure to welcome representatives from foreign embassies and also our distinguished guests attending this important event. I thank you for your presence and support.*
7. *For centuries, tigers have been revered in many cultures all across Asia. They may be enigmatic symbols of power, beauty personified, regal icons of wilderness or even a representation of ferocity. It is*

not a coincidence that tigers have become emblems for many countries and companies in this region.

8. *Malaysia is no exception. Our own tiger subspecies, the Harimau Malaya, or Malayan Tiger became the symbol of the National Coat of Arms or Jata Negara. To us, the Malayan Tiger symbolises resilience and strength, values that our nation embodies.*

Your Excellencies, ladies and gentlemen,

9. *According to the International Union for Conservation of Nature (IUCN) Red List, the Malayan Tiger is 'critically endangered'. As such, the protection and conservation of this key species have always been our top priorities. The Malayan Tiger is afforded the highest level of protection in our legislation - 'Totally Protected Species under the Wildlife Conservation Act 2010 and Appendix 1 under the International Trade in Endangered Species Act 2008.*
10. *The Malayan Tigers are on the brink of extinction as their population is at an alarming level. The First National Tiger Survey conducted from 2016 to 2020 found that the Malayan Tiger population is less than 150 in its natural habitat. With this number, the Malayan Tiger will become extinct within the next 5 to 10 years if extraordinary measures are not taken.*
11. *Acting upon this, the Malaysian Cabinet on 16 June 2021, agreed on nine extraordinary actions for the conservation of the Malayan Tiger for a period of 10 years, from 2021 to 2030. The extraordinary actions are based on three approaches:*

- (i) *First, strengthening boots on the ground and the conservation of the habitat of the Malayan Tiger;*
- (ii) *Second, improving good governance and effectiveness in the implementation of conservation efforts; and*
- (iii) *Third, strengthening initiatives to ensure the survival of the Malayan Tiger species through the provision of innovative financial instruments and the Malayan Tiger habitat accreditation scheme.*

Ampun Tuanku,

12. Sebagai salah sebuah daripada 17 buah negara wilayah biodiversiti mega (*megadiverse*), sumber hutan dan biodiversiti perlu diurus secara bijaksana demi kesejahteraan rakyat. Syabas patik ucapkan kepada Kerajaan Negeri Pahang di atas penubuhan Majlis Biodiversiti Pahang bagi meningkatkan pengurusan biodiversiti di negeri. Suka patik maklumkan di sini, di peringkat Persekutuan, NRECC dalam usaha menubuhkan Pusat Biodiversiti Malaysia (Malaysia Biodiversiti Centre - MBC) selaras dengan keputusan Mesyuarat Majlis Biodiversiti Negara pada 22 Mac 2023. MBC akan melengkapkan (*complement*) inisiatif pengurusan biodiversiti di peringkat negeri.

Ampun Tuanku,

13. Sekianlah sahaja persembahan ucapan patik. Patik memohon keampunan jua ke sisi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku seandainya ada terdapat sebarang kesilapan tutur bicara di dalam persembahan ucapan patik.

14. Selanjutnya patik berdoa kehadrat Allah subhanahu wata'ala moga-moga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku, Paduka Ayahanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Paduka Bonda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong serta Yang Amat Mulia Paduka-Paduka Kekanda dan Adinda sentiasa di dalam sihat walafiat lagi dianugerahi aman sentosa selama-lamanya.
15. Ampun Tuanku, patik sudahi dengan wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim
Putrajaya
28 Julai 2023**